

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN MOHD JARJIS [ROMPIN]
TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)
SOALAN : Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan tentang kemajuan yang dicapai dalam pembangunan Rancangan Jelapang Padi (IADA) di Rompin untuk dimajukan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat khususnya di sektor makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan seluas 3,094 hektar telah dikenalpasti sesuai untuk dimajukan sebagai kawasan jelapang padi di Rompin. Untuk merealisasikan pembangunan penanaman padi di kawasan tersebut, kerja-kerja pembangunan menyeluruh yang meliputi infrastruktur dan pengairan serta pengendalian dan penyelenggaraan akan dilaksanakan. Pada masa ini, kerja-kerja pembaikan dan penambahbaikan kemudahan fizikal telah dilaksanakan dengan melibatkan pembaikan infrastruktur jalan ladang sepanjang 13 kilometer, penambahbaikan kemudahan parit dan tali air sepanjang 26 kilometer dan pembaikan sistem pengairan dan saliran dikawasan tersebut. Dengan tertubuhnya IADA Rompin ini, infrastuktur sedia ada terutamanya sistem pengairan dan saliran bagi kawasan bagi kawasan tersebut dapat dipertingkatkan dan membolehkan bekalan pengairan yang lebih berkesan di keseluruhan kawasan projek. Kesan daripada ini, dijangkakan potensi hasil padi selepas penubuhan IADA menjelang tahun 2020 adalah sebanyak 6 metrik tan sehektar iaitu peningkatan sebanyak 63% berbanding purata hasil pada masa ini sebanyak 3.67 metrik tan sehektar. Penubuhan IADA Rompin juga akan memberi kesan positif epada peningkatan pendapatan pesawah padi di kawasan tersebut. Diunjurkan purata pendapatan menjelang tahun 2020 adalah sebanyak RM7,200 sehektar semusim iaitu peningkatan sebanyak 70.6% berbanding sebelumpenubuhan IADA iaitu sebanyak RM4,220.50 sehektar semusim.